

SIARAN AKHBAR

PENUTUPAN JAMBATAN DI JALAN PIGGOT

Adalah dimaklumkan bahawa hasil dari pemeriksaan dan siasatan yang dijalankan oleh Jabatan Kejuruteraan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), didapati bahawa struktur jambatan yang merentangi Sungai Air Terjun di Jalan Piggot adalah tidak selamat untuk digunakan oleh orang awam.

2. Oleh yang demikian, pihak Majlis mengambil tindakan untuk menutup serta merta jambatan tersebut dari digunakan oleh orang awam. Orang awam adalah dinasihatkan untuk menggunakan Jalan York untuk masuk ke Jalan Piggot serta Solok Piggot dan menggunakan Jalan Scotland untuk ke perpustakaan awam di Jalan Piggot.

3. Segala kesulitan adalah amat dikesali. Sebarang pertanyaan atau masalah bolehlah dikemukakan kepada Jabatan Kejuruteraan MBPP di talian **04-2592070 (waktu pejabat) atau 04-2637000 / 04-2637637 (24 jam)**.

Kerjasama pihak tuan/puan & orang ramai adalah dihargai.

Sekian, terima kasih.

Bahagian Perhubungan Awam

Jabatan Khidmat Pengurusan

MBPP

Bertarikh: 6 September 2018

Ruj. Kami :JK(J)/PELB/113/14
Tarikh : 6 September 2018

LAMPIRAN

**LOKASI JAMBATAN YANG DITUTUP PADA KEPADA ORANG AWAM DI
JALAN PIGGOT**

